

MAKNA - USM

Kesengsaraan Berganda

Kemiskinan dan Kanser : Satu Tinjauan dan Cadangan Ke Arah Tindakan

Kajian: Prof. Madya Dr. Suriati Ghazali



Apakah kaitan antara Kemiskinan dan Kanser?

Kemiskinan menyumbang kepada peningkatan dalam bilangan kematian akibat kanser.

Kemiskinan dan kanser merupakan KESENGSARAAN BERGANDA bagi pesakit kanser yang miskin.

Kejadian kanser lebih banyak berlaku dalam kalangan wanita, dan wanita pula kebanyakannya hidup dalam keadaan lebih miskin.

Mengapa pesakit kanser yang miskin sukar sembuh ?

1. Masalah kewangan

Masalah kewangan yang serius sering dihadapi oleh pesakit kanser akibat kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan. Masalah ini akan membataskan keupayaan mereka untuk mendapatkan rawatan.

2. Taraf pendidikan yang rendah

Mereka tidak berupaya membaca atau memahami keterangan tentang kanser yang terdapat di dalam pamflet, televisyen, radio.

3. Keadaan rumah yang tidak sempurna

Persekitaran rumah yang tidak bersih, tiada bekalan air, elektrik dan sebagainya memburukkan lagi keadaan pesakit.

4. Kurang akses kepada penjagaan kesihatan.

Pesakit tidak mempunyai insurans kesihatan sehingga menyebabkan mereka tidak mampu mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang baik.

- Hanya bergantung kepada perkhidmatan kesihatan awam daerah yang serba kekurangan.

5. Sikap pesakit

Merasa takut, malu dan prejudis menyebabkan pesakit gagal mengesan penyakit di peringkat awal. Segelintir pesakit tidak mahu mendapatkan rawatan di pusat-pusat kesihatan kerana cenderung kepada perubatan tradisional.



Objektif

1. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh golongan miskin yang menghidap kanser dari aspek untuk mendapatkan kemudahan penyaringan kanser, aksesibiliti kepada rawatan, strategi menghadapi masalah dan bagaimana kehidupan mereka selepas disahkan menghidap kanser.

2. Mengenalpasti masalah ahli isi rumah yang lain (suami/isteri/anak) yang mungkin akan kehilangan pekerjaan untuk menjaga pesakit kanser.

3. Mencadangkan pelan tindakan untuk membantu golongan miskin dan keluarga mereka dari segi mendapatkan pendidikan berkaitan kanser, membina 'safety-net' dari aspek mendapatkan bantuan rawatan, sokongan sosial dan psikologi serta meningkatkan program pengesanan awal penyakit kanser.

Fokus kajian

Wilayah Utara Semenanjung Malaysia (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara)

